BH - 9 MAR 1984

(P)

# PM tegur golongan kebudak-budakan

Oleh NORDIN MOHAMAD

KOTA BHARU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menganggap golongan yang cuba menghalang rakyat Kelantan daripada keluar menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini sebagai kebudak-budakan.

Perdana Mentcri berkata, "Ada ugutan bahawa kalau ada orang berhimpun di lapangan terbang ini hari ini, mereka akan dilanda malapetaka, kononnya hendak diletupkan bom, hendak ditembak. ditikam dan sebagainya."

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan ugutan itu dibuat oleh golongan yang tidak senang melihat perpaduan dalam Umno Kelantan dan mensifatkannya sebagai ancaman kebudak-budalcan.

"Kita akan tentang orang-orang ini dan kita tidak takut kepada ancaman kebudak-budakan itu," tegas beliau sewaktu berucap di hadapan berpuluh ribu orang yang, menyambut ketibaannya di lapangan terbang itu di sini pagi tadi.

Beliau melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan hari ini.

Dua hari sebelum ketibaan Perdana Menteri, golongan tertentu di negeri ini menyebarkan beribu-ribu surat layang yang dttcrbitkan oleh "Saudara Sepcrjuangan Rakyat Kelantan" bertarikh 6 Mac 1984 menyebar tentang ancaman-ancaman itu.

Katanya: "Saya sedar. perpaduan di kalangan ahli-ahli Umno dan para penyokong Umno di Kelantan ini tidak menyenangkan bebcrapa kerat manusia.

## Sentimen

Beliau menegaskan, kita akaa mencruskan perjuangan Umno dan tetap berpegang kepada prinsip-prinsip demokrasi, kc ara prinsip itulah yang mencntukan kejayaan perjuangan parti selama ini.

"Kita tidak boleh gugurkan prinsip-prinsip ini. Kita mcmberi kebebasan Yang cukup dalam Umno. Kita menyuarakan pendapat kita, tetapi sekali keputusan sudah dibuat, kita akan pegang kepada keputusan itu, asalkan ia dibuat secara yang demokratik.

"Sebab itulah kita telah berjaya menyelesaikan bermacam-macam masalah."

Katan'ya lagi, perjuangan Umno untuk kebahagiaan rakyat dan selagi ada Umno yang bersatupadu, yang menjalankan gcrak-gerinya mengikut lunas-lunas demokrasi, rakyat akan menikmati kebahagiaan dan kemakmuran.:

Datuk Seri Mahathir mahu setiap rakyat, khaonya ahli-ahli Umno supaya mcmpcrkuatkan perpaduan d-an jangan membiarkan diri dipengaruhi oleh sentimen dan kata-kata yang lunak daripada mereka yang inginkan kuasa.

Beliau menarik perhatian, dalam keadaan kita menghadapi sedikit masalah baru-baru ini, seperti biasa musuh-musuh kita mengambil peluang untuk memecah belah dan melemahkan kita, khususnya untuk menguasai semula kerajaan negeri Kelantan.

Katanya, jangan membiarkan sebuah negeri pun dimenangi oleh parti lain melainkan Barisan Nasional yang Umno sebagai terasnya, kecuali di Sabah dan Sarawak oleh parti dari rakan-rakan kita.

"Apakah kita rela untuk menyerah Kelantan yang selama 18 tahun disalah pcrintah olch orang-orang' yang tidak mempunyai niat yang baik.

"Tentu kita tidak mahu balik kepada keadaan dahulu. dimana kita dapati banyak pcmbangunan telah terbengkalai dan tidak dapat dilaksanakan, kerana pecah belah politik.

"Kita bernasib baik hari ini, Umno sekali lagi berkuasa bersama-sama dengan rakan-rakdn dalam Barisan Nasional dan banyak perubahan yang membawa kepada kebahagian rakyat telah tercapai," tambah beliau.

## Perjuangan

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat, golongan-golongan itu sentiasa menunggu. jika ada sesuatu yang berlaku di kalangan kita atau di dalam negara ini yang boleh memberi pcluang kepada mereka untuk memecah belahkan kita.

Kadang-kadang, tambahnya, mungkin ada setengah daripada kita yang terkeliru akan niat musuh-musuh itu, kerana mereka pandai berselindung di belakang macam-macam tabir.

Menurutnya; mereka berjuang seolah-olah merekalah yang mempertahankan kedudukan rakyat, tetapi niat mereka tidak lain untuk sekali lagi merebut kuasa di negeri Kelantan.

"Kita tidak akan izinkan, walaupun ada pendapat yang berbeza-beza di kalangan kita, tetapi perpaduan kita mestilah diteruskan, inilah yang penting.

"Kalau ada perbezaan di kalangan kita, ada caranya yang boleh kita rundingkan. Kita parti yang demokratik mcsti pegang kcpada prinsip demokrasi iaitu berpegang kepada suara ramai dan suara manoriti itu mestilah mematuhi kepada kcputusan suara ramai," tegas Perdana Menteri.

Menteri' Besar Kelantan Datuk Haji Mohamad Yaakob, Timbalannya Haji Ariffin Said, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen serta isteri masing-masing menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isterinpa Datin Seri Paduka Dr Siti Hasmah.

Turut menyambut ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, ahli-ahli Dewan Rakyat dan, Dewan Undangan Negeri dari BN dan Hamim serta para pegawai kanan Kcrajaan Pusat dan negeri.